



# INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR) SOALAN – SOALAN LAZIM SKIM AIR DARUL EHSAN (SADE)



## MAKLUMAT AM

- ▶ Apakah itu Skim Air Darul Ehsan (SADE)?
- ▶ Adakah penyewa layak untuk membuat permohonan SADE?
- ▶ Sekiranya saya ingin berpindah, bolehkah saya menerima SADE?

[Selanjutnya ...](#)



## TERMA DAN SYARAT

- ▶ Siapakah yang layak menikmati SADE?
- ▶ Saya adalah penghuni pangsapuri kos rendah yang menerima bekalan air melalui meter pukal dibawah seliaan JMB/MC. Adakah saya layak untuk membuat permohonan SADE?

[Selanjutnya ...](#)



## PENDAFTARAN

- ▶ Bagaimanakah cara untuk memohon SADE?
- ▶ Apakah yang dimaksudkan dengan Permohonan Penamatan/ Pembatalan SADE dan siapakah yang harus memohon?
- ▶ Siapakah yang layak dan disarankan untuk membuat permohonan rayuan SADE?

[Selanjutnya ...](#)



## PROSES PELAKSANAAN

- ▶ Berapa lamakah tempoh pendaftaran SADE dibuka kepada orang ramai?
- ▶ Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk memproses permohonan SADE, dan bilakah tarikh pelaksanaannya?

[Selanjutnya ...](#)

## ► MAKLUMAT AM

- 1. Apakah itu Skim Air Darul Ehsan (SADE)?**

Skim Air Darul Ehsan (SADE) adalah program penajajaran semula pemberian air percuma kepada kumpulan sasaran penduduk Negeri Selangor.
- 2. Adakah pelanggan yang menetap di Wilayah Kuala Lumpur dan Putrajaya layak untuk memohon SADE?**

Tidak layak. Permohonan SADE hanya untuk penduduk di Selangor sahaja.
- 3. Adakah penyewa layak untuk membuat permohonan SADE?**

Ya, penyewa layak memohon jika memenuhi terma dan syarat permohonan serta semakan kelayakan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.
- 4. Kami adalah pelajar yang tiada pendapatan dan menyewa beramai-ramai di Selangor. Adakah kami layak memohon?**

Ya, penyewa layak memohon jika memenuhi terma dan syarat permohonan serta semakan kelayakan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.
- 5. Sekiranya saya ingin berpindah, bolehkah saya menerima SADE?**

Anda boleh membuat permohonan semula bagi premis baru sekiranya memenuhi terma dan syarat kelayakan permohonan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.
- 6. Saya adalah penerima SADE sejak 2020, tetapi akaun air bagi skim tersebut telah ditamatkan/dipindah milik oleh Air Selangor. Perlukah saya membuat permohonan penamatan SADE bagi akaun air yang tidak lagi aktif atau bukan dibawah nama saya?**

Ya. Anda dinasihatkan agar menghantar permohonan penamatan akaun SADE terdahulu sekiranya ingin membuat permohonan semula SADE bagi akaun/premis yang baru. Maklumat permohonan dan butiran terdahulu (seperti Nombor Kad Pengenalan, Nombor Akaun Air dan Status) akan ditamatkan dan dikemaskini di portal Smart SSIPR seterusnya membenarkan pendaftaran semula SADE untuk premis/akaun yang baru.
- 7. Adakah Air Selangor dan pihak Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan publisiti dan jalinan hubungan antara masyarakat ('public engagement') bagi meningkatkan kesedaran untuk mendaftar SADE (satu bantuan di bawah Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR)) dalam kalangan kumpulan sasaran?**

Ya, terdapat pelbagai aktiviti publisiti dan jalinan hubungan antara masyarakat menerusi acara di lapangan dan maya yang telah diatur, serta kempen promosi secara berterusan melalui media cetak, elektronik dan sosial hanya bertujuan meningkatkan kesedaran berhubung SADE kepada kumpulan sasaran.
- 8. Adakah pihak Kerajaan Negeri Selangor menyediakan kemudahan pendaftaran SADE melalui aplikasi mudah alih?**

Ya, pengguna boleh memohon SADE melalui aplikasi mudah alih SSIPR yang boleh dimuat turun melalui 'Apple App Store' atau 'Google Play'.



## ► TERMA DAN SYARAT

### 9. Siapakah yang layak menikmati SADE?

SADE layak dinikmati pengguna yang menepati terma dan syarat seperti berikut:

- i. Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan menetap di Negeri Selangor.
- ii. Pendapatan bulanan isi rumah RM 4,000 dan ke bawah (suami dan isteri termasuk pendapatan pasangan bukan warganegara, tiada pasangan atau bujang).
- iii. Premis kediaman meter individu.
- iv. Pemohon hanya layak memohon untuk satu akaun/premis sahaja.

#### Peringatan:

Bagi penghuni pangsapuri kos rendah yang menerima bekalan air melalui akaun meter pukal akan terus menerima  $20m^3$  air percuma di bawah SADE secara automatik sehingga 31 Disember 2024, mengikut kaedah sedia ada yang melibatkan JMB/MC serta Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

### 10. Apakah yang dimaksudkan dengan pendapatan isi rumah RM 4,000 dan ke bawah seperti yang tertakluk dalam terma & syarat SADE?

Ia bermaksud pendapatan bulanan isi rumah hendaklah RM 4,000 ke bawah bagi pasangan suami dan isteri (termasuk pendapatan pasangan bukan warganegara) atau tiada pasangan/bujang.

### 11. Apakah pemohon dan pasangan keluarga yang berpendapatan lebih dari RM 4,000 boleh memohon SADE?

Tidak layak kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

### 12. Kami mempunyai pendapatan isi rumah lebih daripada RM 4,000 termasuk pendapatan anak kami yang tinggal serumah. Adakah kami layak memohon SADE?

Pemohonan hanya mengambil kira pendapatan suami dan isteri sahaja, sekiranya pendapatan suami dan isteri melebihi RM 4,000, anda tidak layak memohon SADE.

### 13. Saya tidak mempunyai pendapatan mahupun penyata gaji dan tidak pernah mendaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), adakah saya layak memohon?

Ya, anda layak untuk memohon SADE tetapi tertakluk kepada terma dan syarat permohonan serta semakan kelayakan.

### 14. Adakah suami/isteri yang kematian pasangan layak memohon?

Ya, anda layak untuk memohon SADE tetapi tertakluk kepada terma dan syarat permohonan serta semakan kelayakan.

### 15. Saya tinggal di Putrajaya tetapi mempunyai rumah di Negeri Selangor, adakah saya layak untuk memohon?

Ya, anda layak untuk memohon SADE bagi premis yang terletak di Negeri Selangor tetapi tertakluk kepada terma dan syarat permohonan serta semakan kelayakan.

### 16. Saya memiliki 5 buah rumah di mana setiap satu (rumah) layak menerima SADE. Adakah semua premis yang saya miliki layak untuk menerima dan menikmati $20m^3$ bekalan air percuma?

Hanya SATU akaun/premis sahaja boleh dipohon dan menikmati  $20m^3$  bekalan air percuma.

### 17. Saya adalah penghuni pangsapuri kos rendah yang menerima bekalan air melalui meter pukal di bawah seliaan JMB/MC. Adakah saya layak untuk membuat permohonan SADE?

Bagi penghuni pangsapuri kos rendah yang mendapat bekalan air melalui meter pukal akan terus menikmati  $20m^3$  bekalan air percuma secara automatik sehingga 31 Disember 2024 mengikut kaedah pemberian rebat air percuma sedia ada yang melibatkan JMB/MC serta Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS).

### 18. Adakah Kerajaan Negeri Selangor telah membuat sebarang pindaan ke atas terma kelayakan SADE bermula 2022?

Tiada sebarang perubahan atau pindaan yang baru dilakukan ke atas terma kelayakan SADE sedia ada untuk 2022.



## ► PENDAFTARAN

### 19. Bagaimanakah cara untuk memohon SADE?

- i. Permohonan SADE boleh dibuat secara atas talian melalui laman sesawang [www.ssipr.selangor.gov.my](http://www.ssipr.selangor.gov.my)
- ii. Borang permohonan boleh dimuat turun atau diperolehi melalui saluran berikut:
  - Laman sesawang [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com)
  - Kaunter Perkhidmatan di mana-mana 10 pejabat wilayah Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.
  - Pusat Khidmat Masyarakat (PKM)
- iii. Borang permohonan yang telah lengkap boleh dihantar melalui emel ke [iprain@airselangor.com](mailto:iprain@airselangor.com) atau melalui mana-mana Kaunter Perkhidmatan di 10 pejabat wilayah Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.

#### Peringatan:

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pendaftaran hendaklah dilakukan secara atas talian di [www.ssipr.selangor.gov.my](http://www.ssipr.selangor.gov.my). Pelanggan juga boleh memuat turun borang permohonan di [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) dan borang permohonan yang telah lengkap boleh dihantar melalui emel ke [iprain@airselangor.com](mailto:iprain@airselangor.com).

### 20. Saya telah membuat pendaftaran SADE dan menerima pemberitahuan yang saya tidak layak. Bolehkah saya membuat rayuan semula atau permohonan baharu?

Boleh. Anda boleh membuat rayuan atau menghantar permohonan baru apabila pendaftaran dibuka semula secara atas talian sebelum tempoh lanjutan SADE berakhir pada tahun 2024.

### 21. Apakah yang dimaksudkan dengan Permohonan Penamatan/Pembatalan SADE dan siapakah yang harus memohon?

Permohonan Penamatan/Pembatalan SADE adalah permohonan oleh penerima rebat SADE yang ingin membatalkan permohonan SADE sedia ada disebabkan oleh beberapa alasan seperti berikut:

- i. Berpindah ke rumah baru/premis lain
- ii. Pertukaran Pemilikan Akaun Air
- iii. Perintah Mahkamah untuk mengosongkan premis
- iv. Penerima SADE meninggal Dunia
- v. Penamatan Akaun Bekalan Air

atau sebab-sebab lain seperti yang tercatat dalam Borang Permohonan Penamatan/Pembatalan SADE.

### 22. Bagaimanakah cara membuat Permohonan Penamatan/Pembatalan dan permohonan semula SADE bagi premis baru/lain?

Borang Permohonan Penamatan/Pembatalan SADE boleh dimuat turun melalui laman sesawang Air Selangor di [www.airselangor.com/residential/skim-air-darul-ehsan/](http://www.airselangor.com/residential/skim-air-darul-ehsan/). Baca nota arahan dan hantar borang permohonan yang telah lengkap dengan lampiran (jika berkenaan) ke [iprain@airselangor.com](mailto:iprain@airselangor.com) atau melalui mana-mana 10 Kaunter Perkhidmatan Pejabat Wilayah Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. bersama Borang Permohonan SADE bagi permohonan semula akaun/premis SADE yang baru (jika berkenaan) untuk proses seterusnya.

### 23. Bolehkah saya membuat Penamatan/Pembatalan SADE sekiranya sebab-sebab penamatan/pembatalan tersebut tidak tersenarai di dalam Borang Penamatan/Pembatalan SADE?

Ya, pemohon boleh membuat permohonan penamatan/pembatalan dengan menyatakan alasan yang berkenaan di Bahagian B: Borang Permohonan Penamatan/Pembatalan SADE dan dihantar untuk semakan dan tindakan lanjut.

### 24. Siapakah yang layak dan disarankan untuk membuat permohonan rayuan SADE?

Pemohon yang telah mendaftar dan berstatus gagal, layak membuat permohonan rayuan SADE.

### 25. Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan rayuan SADE?

Pemohon perlu melengkapkan permohonan dengan maklumat yang terkini melalui portal SSIPR secara atas talian atau dengan menghantar borang permohonan ke [iprain@airselangor.com](mailto:iprain@airselangor.com) atau mana-mana Kaunter Perkhidmatan di 10 Pejabat Wilayah Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.




## ► PROSES PELAKSANAAN

26. **Berapa lamakah tempoh pendaftaran SADE dibuka kepada orang ramai?**  
Pendaftaran SADE akan dibuka sepanjang tahun sehingga tahun 2024.
27. **Bagaimanakah pemberian rebat air percuma melalui SADE dilaksanakan?**  
Pemberian rebat air peruma melalui SADE dilaksanakan sebanyak 4 siri dalam tempoh masa 12 bulan.
28. **Berapa lamakah masa yang diambil untuk memproses permohonan SADE dan bilakah tarikh pelaksanaannya?**  
Tarikh dan tempoh pemrosesan permohonan SADE bagi tahun 2022-2024 adalah seperti berikut:

JADUAL PELAKSANAAN SKIM AIR DARUL EHSAN (SADE) BAGI TAHUN 2022-2024			
Siri	Tarikh	Tempoh	Aktiviti
Siri 1 (4 bulan)	1 Sept 2021 - 30 Nov 2021	3 bulan	Tempoh pendaftaran mengikut siri pelaksanaan
	1 Dis 2021 - 31 Dis 2021	1 bulan	Tempoh pemrosesan permohonan dan semakan silang
	1 Januari 2022		<b>Tarikh pemberian rebat SADE bagi permohonan yang berjaya</b>
Siri 2 (4 bulan)	1 Dis 2021 - 28/29 Feb 2022	3 bulan	Tempoh pendaftaran mengikut siri pelaksanaan
	1 Mac 2022 - 31 Mac 2022	1 bulan	Tempoh pemrosesan permohonan dan semakan silang
	1 Apr 2022		<b>Tarikh pemberian rebat SADE bagi permohonan yang berjaya</b>
Siri 3 (4 bulan)	1 Mac 2022 - 31 Mei 2022	3 bulan	Tempoh pendaftaran mengikut siri pelaksanaan
	1 Jun 2022 - 30 Jun 2022	1 bulan	Tempoh pemrosesan permohonan dan semakan silang
	1 Julai 2022		<b>Tarikh pemberian rebat SADE bagi permohonan yang berjaya</b>
Siri 4 (4 bulan)	1 Jun 2022 - 31 Ogos 2022	3 bulan	Tempoh pendaftaran mengikut siri pelaksanaan
	1 Sept 2022 - 30 Sept 2022	1 bulan	Tempoh pemrosesan permohonan dan semakan silang
	1 Oktober 2022		<b>Tarikh pemberian rebat SADE bagi permohonan yang berjaya</b>
Peringatan: Jadual pelaksanaan ini telah bermula pada 1 September 2021 sehingga 1 Oktober 2022. Manakala, bagi tarikh pelaksanaan tahun berikutnya bermula pada 1 September 2022 sehingga 1 Oktober 2023 dan tahun seterusnya dijangka bermula pada 1 September 2023 sehingga 1 Oktober 2024.			

29. **Sebelum ini, saya menikmati 20m<sup>3</sup> bekalan air percuma secara bulanan. Adakah saya masih layak menerima air percuma selepas 1 Mac 2020?**  
Anda layak menikmati 20m<sup>3</sup> bekalan air percuma di bawah SADE sekiranya anda telah membuat pendaftaran dan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.
30. **Adakah saya masih boleh membuat permohonan pendaftaran SADE selepas tarikh pendaftaran tersebut berakhir?**  
Pemohon boleh membuat pendaftaran SADE sebelum 31 Disember 2024.
31. **Apakah status penerima sedia ada dan pemohon baru yang berjaya di bawah SADE selepas 31 Disember 2021?**  
Semua penerima rebat sedia ada dan pemohon baru SADE yang layak akan menikmati faedah skim tersebut sehingga 31 Disember 2024 secara automatik.
32. **Berapa lamakah lanjutan penerimaan SADE selepas 31 Disember 2021 dan bilakah tarikh pendaftaran baru?**  
Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju melanjutkan tempoh SADE untuk 3 tahun bermula 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2024 dan pendaftaran adalah dibuka sepanjang tahun.



Untuk maklumat lanjut, sila layari  
[www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) atau hubungi  
talian 15300

